

Kementerian baru akan diwujudkan

KOTA KINABALU: Sebuah kementerian baru mungkin diwujudkan berikutan perantukan Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS), Datuk Bernard Dompok, sebagai anggota Kabinet selepas Kementerian Hal-Ehwal Sabah dimansuhkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Kerajaan Pusat sedang menyusun kementerian baru itu yang akan diumumkan tidak lama lagi.

"Mungkin kita wujudkan kementerian baru kerana dulu kita ada Kementerian Hal-Ehwal Sabah.

"Dulu kita tidak dapat menguasai keadaan dalam Sabah berikutan kerajaan Sabah ialah Parti Bersatu Sabah (PBS) tetapi sekarang kita sudah ada kera-

jaan Barisan Nasional (BN) di sini.

"Jadi Kementerian Hal-Ehwal Sabah sudah tidak penting lagi," katanya ketika ditanya pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat BN negeri di sini, malam tadi.

Perdana Menteri berada di sini untuk merasmikan kongres tahunan Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) dan Parti Maju Sabah (SAPP).

Mesyuarat malam tadi adalah yang pertama mem-babitkan dua parti yang baru diterima menyertai BN, iaitu Parti Demokratik Sabah dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs).

"Saya mengambil peluang untuk berjumpa dengan pemimpin BN di Sabah kerana kita baru saja terima dua lagi parti," katanya.